

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2017, HARI HABITAT SEDUNIA 2017 DAN MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK NEGERI JOHOR SESI 2017-2019



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2017, Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Johor Sesi 2017-2019 pada 11 November 2017 bertempat di Puteri Harbour, Johor. Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday (Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor), YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan) dan YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

Majlis yang dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan penggabungan tiga (3) program KPKT ini adalah dianjurkan bersama oleh KPKT, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) dan Iskandar Regional Development Authority (IRDA).

Hari Perancang Bandar Sedunia disambut pada 8 November setiap tahun di hampir 30 negara di seluruh dunia bertujuan untuk meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera. Sambutan ini telah menjadi agenda tahunan KPKT melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancang Bandar dan Desa) sejak tahun 1988 dengan pelbagai tema yang berkaitan dengan isu-isu perancangan dan pembangunan semasa. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Merancang Bersama Komuniti" (Planning with Community) selaras dengan pelaksanaan New Urban Agenda (NUA) yang sedang dalam pelaksanaan pada peringkat antarabangsa dan tempatan.

Hari Habitat Sedunia pula merupakan sambutan peringkat global yang dianjurkan oleh semua negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan pembangunan petempatan manusia yang selesa. Tarikh rasmi bagi Sambutan Hari Habitat Sedunia yang ditetapkan oleh PBB adalah pada Hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun. KPKT merupakan National Focal Point bagi sambutan ini dan bertanggungjawab untuk menyelaras semua aktiviti yang bertemakan berkaitan isu-isu petempatan manusia berkaitan United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) di Malaysia sejak tahun 1985. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Housing at The Centre".

Sambutan yang berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 10 dan 11 November 2017 ini menyediakan pelbagai pengisian dan aktiviti kepada para pengunjung khususnya warga Johor Bahru antaranya ialah:

- sukan rakyat;
- gerai pameran pelbagai agensi kerajaan dan swasta;
- bazar komuniti;
- kendera saji (*food truck*);
- program berbasikal (*fun cycling*);
- pertandingan mewarna;
- Community Talk;
- persembahan *busking*;
- Petting Zoo;
- Pertandingan Push Bike;
- Urban Picnic; dan
- Pertandingan Bina Rumah LEGO.

Pada majlis ini, YB Menteri juga turut menyampaikan penghargaan dan anugerah seperti yang berikut:

- Penghargaan kepada Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2017 bagi kategori:
 - Penghargaan bagi Penyertaan Baharu (New Comer)
 - Penghargaan Penerima Inisiatif
 - Anugerah Khas YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Anugerah National Scroll of Honour; dan
- Anugerah Pertandingan Photojournalism.

YB Menteri juga turut menyempurnakan penyampaian wafikah kepada seramai 2,935 orang Anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Johor yang dilantik bagi penggal kedua sesi 2017-2019. Pelantikan ini

menjadikan Negeri Johor mencapai 79 peratus keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.

Objektif utama penubuhan JPP adalah untuk mengalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat, membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan serta mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat dalam kawasan kejiranan setempat.

Bagi pelaksanaan program bersama JPP Negeri Johor, KPKT telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas KPKT kepada 20 kawasan Parlimen iaitu Segamat, Sekijang, Labis, Ledang, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Simpang Renggam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Baharu, Pulai, Pontian dan Tanjong Piai yang mana setiap Parlimen menerima sebanyak RM30,000.00. Peruntukan yang telah disalurkan pada 7 Mac 2017 ini adalah untuk melaksanakan program-program seperti:

- aktiviti gotong-royong;
- program pendidikan;
- program pengurusan sisa pepejal; dan
- program ramah mesra bersama masyarakat.

Bagi mempromosikan JPP sebagai inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan struktur formal di kawasan bandar, KPKT telah membina sebanyak 70 buah Centre of Urban Wellbeing (CUBE) bagi kegunaan JPP di seluruh negara. Bagi Negeri Johor, sebanyak 15 buah Centre of Urban Wellbeing (CUBE) telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.65 juta.